

SULIT  
3757/1  
Ekonomi  
Asas  
Kertas 1  
2009  
1<sup>1</sup>/<sub>4</sub> Jam



## PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

ANJURAN  
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA CAWANGAN PERLIS

---

EKONOMI ASAS

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

1. Mengapakah individu perlu membuat keputusan yang tepat dalam ekonomi?

- A. Supaya kehidupan seharian lebih teratur dan terancang.
- B. Sumber ekonomi yang ada sentiasa melebihi keperluan individu.
- C. Wujud ketidakseimbangan antara sumber ekonomi dengan kehendak.
- D. Kehidupan individu dipengaruhi oleh keadaan persekitaran dan masyarakat

2. En Abu Nawas seorang guru mempunyai pendapatan bulanan RM4 000. Beliau mempunyai sebidang tanah yang diberikan hak penggunaannya kepada orang lain. Beliau juga mempunyai deposit tetap RM10 000 di Agro Bank.

Apakah jenis-jenis pendapatan yang diperoleh oleh En Abu Nawas?

- A. Upah, Untung dan Sewa.
- B. Upah, Sewa dan Faedah.
- C. Untung, Sewa dan Faedah.
- D. Untung , Upah dan Dividen.

3. Berikut adalah pernyataan berkaitan dengan jenis barang.

“Mempunyai kos lepas, tetapi tidak perlu membayar untuk penggunaannya”.

Apakah jenis barang tersebut?

- A. Barang Ekonomi.
- B. Barang Percuma.
- C. Barang Modal.
- D. Barang Awam.

4. Syarikat Beseri Jaya Sdn Bhd bercadang mengeluarkan air botol mineral . Mesin memproses air mineral dibawa masuk dari Korea Selatan.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat Beseri Jaya Sdn Bhd?

- I. Apa yang hendak dikeluarkan.
- II. Berapa yang hendak dikeluarkan
- III. Bagaimana hendak dikeluarkan.
- IV. Untuk siapa hendak dikeluarkan.

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. III dan IV

5. Antara berikut, yang manakah dapat menyelesaikan masalah untuk siapa barangan dikeluarkan dalam Sistem Ekonomi Kapitalis dan Sistem Ekonomi Perancangan Pusat ?

	<b>Sistem Ekonomi Kapitalis</b>	<b>Sistem Ekonomi Perancangan Pusat</b>
A	Kuasa beli masyarakat dan agihan pendapatan.	Kerajaan mempengaruhi agihan pendapatan golongan miskin.
B	Ditentukan oleh individu berdasarkan keperluan keluarga.	Mekanisme harga dan campur tangan kerajaan.
C	Ditentukan oleh firma berdasarkan kos.	Kerajaan mengeluarkan output untuk golongan berpendapatan rendah
D	Jumlah barang ditetapkan oleh kerajaan melalui sistem catuan.	Kuasa beli dan taraf hidup masyarakat.

6. Pernyataan berikut berkaitan dengan pekerjaan En Lim Kok Weng.

Pada tahun 2000, En Lim Kok Weng bekerja sebagai Jurutera .Pada tahun 2007, beliau telah bertukar kerjaya sebagai seorang pensyarah di Fakulti Ekonomi , Universiti Malaya..

Antara berikut yang manakah **benar** tentang perubahan pekerjaan En Lim Kok Weng?

- A. Sektor kedua ke sektor utama.
  - B. Sektor utama ke sektor ketiga.
  - C. Sektor kedua ke sektor ketiga.
  - D. Sektor ketiga ke sektor kedua.
7. Manakah **bukan** penentu pemilihan sesuatu pekerjaan?
- A. Faedah sampingan.
  - B. Kesihatan diri.
  - C. Kelayakan akademik.
  - D. Keadaan ekonomi semasa.
8. Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan seorang individu.

Pendapatan bulanan Encik Rosli ialah RM3000. Caruman KWSP ialah 11% atas gaji setiap bulan. Pelepasan cukai untuk diri sendiri ialah RM8 000 , isteri RM3 000 dan tiga orang anak ialah RM800 setiap orang.

Hitungkan pendapatan boleh cukai Encik Rosli.

- A. RM18 640
- B. RM21 640
- C. RM22 600
- D. RM24 200

9. Maklumat berikut berkaitan dengan laporan Buletin Ekonomi pada bulan Mac tahun 2009.

- Upah wang meningkat 2%
- Tingkat harga umum meningkat 5%

Maklumat di atas menunjukkan ....

- A. pendapatan nominal meningkat
  - B. pendapatan boleh guna menurun
  - C. pendapatan benar meningkat
  - D. pendapatan benar menurun
10. Antara berikut pasangan manakah **benar** tentang keperluan dan kehendak.

Pasangan	Barang Keperluan	Barang Kehendak
A	Mempunyai pelbagai pilihan	Mesti dipenuhi terlebih dahulu
B	Wujud barang pengganti	Wujud barang penggenap
C	Penting untuk hidup lebih selesa	Penting untuk hidup lebih mewah
D	Mesti dibeli terlebih dahulu	Pembeliannya boleh ditangguh

11. Berikut adalah cara melabur **kecuali**...

- A. pelaburan unit amanah
  - B. pembelian aset tetap
  - C. pembelian barang modal
  - D. latihan kemahiran pekerja
12. Antara berikut yang manakah merupakan peranan isi rumah?
- A. Membelanjakan ganjaran ke atas faktor pengeluaran
  - B. Membekalkan input pengeluaran
  - C. Membayar atas penggunaan faktor pengeluaran
  - D. Mengeluarkan barang dan perkhidmatan

13. Jadual di bawah adalah berkaitan dengan jualan motorsikal 'KRIS' dalam pasaran Malaysia pada bulan Mei dan Julai 2009.

Bulan	Harga Sebuah (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
Mei	4 500	280
Julai	4 500	320

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan tersebut?

- I. Reka bentuk yang lebih menarik
  - II. Kos pengeluaran yang semakin menurun
  - III. Pendapatan boleh guna pengguna meningkat
  - IV. Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV
14. Jadual di bawah menunjukkan permintaan terhadap kamera digital dari tahun 2007 hingga 2009.

Tahun	Harga Seunit (RM)	Jumlah Permintaan (unit)
2007	2 500	20 000
2008	2 200	30 000
2009	2 000	40 000

Hitungkan keanjalan harga permintaan kamera digital apabila harga turun daripada RM2 500 seunit kepada RM2 000 seunit.

- A. 0.1
- B. 0.2
- C. 2.5
- D. 5.0


15. Jadual di bawah menunjukkan perhubungan di antara harga dan kuantiti yang diminta.

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
4	60
6	50
8	30
10	40
12	20
14	10

Perubahan tingkat harga yang manakah bercanggah dengan hukum permintaan?

- A. RM 4 ke RM 6
  - B. RM 6 ke RM 8
  - C. RM 8 ke RM 10
  - D. RM10 ke RM 12
16. Antara berikut, pernyataan manakah yang menerangkan maksud firma?
- I. Menggunakan faktor-faktor pengeluaran
  - II. Menghasilkan barang atau perkhidmatan
  - III. Menggunakan teknologi canggih dalam pengeluarannya
  - IV. Memaksimum kepuasan pengguna
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
17. Fungsi pengeluaran jangka pendek merujuk kepada ....
- A. perubahan jumlah keluaran kesan daripada perubahan dalam satu unit input berubah
  - B. jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh sesebuah firma dalam proses pengeluaran
  - C. hubungan antara input berubah yang ditambah ke atas input tetap pada setiap tingkat output
  - D. jumlah output yang dapat dihasilkan oleh firma apabila input berubah ditambah kepada input tetap.

18. Rajah menunjukkan keluk penawaran terhadap barang X keluaran sebuah firma.



Keluaran barang X bertambah dari  $Q_1$  ke  $Q_2$  kerana .....

- A. perubahan harga faktor pengeluaran barang X
- B. kenaikan harga barang X daripada  $P_1$  ke  $P_2$
- C. citarasa pengguna bertambah terhadap barang X
- D. bilangan pengeluar bertambah di pasaran barangan X

19. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Syarikat Hayat Abadi Sdn. Bhd.

Kos tetap	:	RM20 000
Kos berubah	:	RM12 000
Keluaran	:	500 seunit
Harga seunit	:	RM80

Hitung jumlah keuntungan Syarikat Hayat Abadi Sdn.Bhd.

- A. RM8 000
- B. RM20 000
- C. RM28 000
- D. RM32 000



20. Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran terhadap buruh pada pelbagai tingkat upah.

Kadar upah sehari (RM)	Kuantiti buruh diminta (orang)	Kuantiti buruh ditawarkan (orang)
40	15	30
30	20	20
20	25	15
10	30	10

Berapakah tingkat keseimbangan upah buruh?

- A. RM10
  - B. RM20
  - C. RM30
  - D. RM40
21. Perbualan berikut menunjukkan fungsi wang.

**Pekedai:** Nah, ini barang-barang yang kamu beli! Jumlah kesemuanya RM50.  
**Safi :** Terima kasih. Ini bayaran untuk barang-barang yang saya beli tadi.

Berdasarkan perbualan di atas, apakah fungsi wang yang terlibat dalam urusanniaga tersebut?

- I. Perantaraan pertukaran
  - II. Alat ukuran nilai
  - III. Alat simpanan nilai
  - IV. Alat bayaran tertunda
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. II dan IV

22. Mengapakah deposit semasa tidak diterima sebagai wang sah tetapi tetap diklasifikasikan sebagai wang?
- A. Simpanan untuk tempoh tertentu
  - B. Mempunyai nilai sandaran yang kukuh
  - C. Dikeluarkan oleh bank pusat
  - D. Pembayaran boleh dibuat menggunakan cek.
23. Yang manakah di bawah ini **bukan** merupakan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?
- A. Menguruskan pasaran pertukaran asing
  - B. Mengeluarkan matawang negara
  - C. Memberi pendahuluan kepada kerajaan
  - D. Menguruskan hutang negara
24. Antara yang berikut, manakah **bukan** urusan yang berkaitan dengan bank perdagangan?
- A. Encik Hafis mencagarkan tanahnya untuk mendapatkan pinjaman.
  - B. Puan Soraya melancong ke Eropah dengan membawa cek kembara.
  - C. Puan Sarima menyimpan barang kemasnya di peti simpanan selamat.
  - D. Encik Tan membeli sebuah kereta baru melalui kemudahan sewabeli.

25. Berikut adalah maklumat mengenai Encik Faizi.

Encik Faizi bekerja sebagai peniaga runcit di Pekan Kangar. Beliau berhasrat untuk membeli sebuah kereta berharga RM 65000 dengan bayaran ansuran sebanyak RM 560 sebulan.

Antara berikut, institusi kewangan yang manakah dapat memenuhi hasrat beliau?

- A. Bank Negara Malaysia
- B. AM Merchant bank berhad
- C. Maybank Finance berhad
- D. Malaysia Alliance Assurance

26. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan institusi kewangan bukan bank.

- Institusi kewangan tabungan terbesar dalam negara
- Banyak melabur dalam surat jaminan kerajaan

Institusi kewangan tersebut ialah

- A. Lembaga Tabung Haji
- B. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- C. Bank Simpanan Nasional
- D. Syarikat Insurans

27. Antara berikut, yang manakah implikasi akibat perubahan struktur ekonomi negara?

- A. Pendapatan negara berkurang
- B. Daya pengeluaran sektor utama berkembang
- C. Perkembangan sektor perkhidmatan
- D. Peluang pekerjaan terhad

28. Berikut adalah maklumat mengenai Puan Sarah.

Puan Sarah bekerja sebagai pengurus pemasaran di Syarikat Maju & Co. dengan pendapatan RM 4500 sebulan. Setiap tahun beliau perlu membayar cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah jenis cukai yang dibayar oleh Puan Sarah?

- A. Cukai keuntungan hartanah
- B. Cukai pendapatan syarikat
- C. Cukai pendapatan petroleum
- D. Cukai pendapatan perseorangan

29. Maklumat berikut berkaitan tindakan kerajaan dalam situasi ekonomi tertentu.

Langkah-langkah di atas akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah

- Menambahkan projek pembangunan
- Mengurangkan kadar cukai langsung

- A. kemelesetan
- B. inflasi
- C. kekurangan
- D. kos lepas

30. Antara berikut yang manakah merujuk kepada komponen perbelanjaan pembangunan kerajaan?

- A. Pembayaran gaji doktor kerajaan
- B. Pembinaan rumah polis
- C. Pemberian subsidi kepada petani
- D. Pembayaran pencen kepada pesara

31. Apakah tujuan kerajaan membuat pinjaman?

- I. Menampung belanjawan lebihan
  - II. Membiayai pembangunan ekonomi
  - III. Menambahkan lagi hasil kerajaan
  - IV. Membiayai kelewatan pungutan cukai
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV

32. Maklumat berikut berkaitan dasar yang dilaksanakan oleh Negara X.

Negara X telah menjual barang kepada Negara Y pada harga yang lebih rendah daripada kos pengeluaran.

Tindakan Negara X merujuk kepada

- A. dasar perlindungan
- B. dasar lambakan
- C. dasar penggantian import
- D. dasar penggantian eksport

33. Antara berikut, yang manakah merupakan import perkhidmatan perjalanan negara?

- A. Perbelanjaan kedutaan Malaysia di negara luar
- B. Rakyat Malaysia menghantar barang menggunakan pengangkutan laut tempatan
- C. Rakyat Malaysia menginsuranskan barang dengan syarikat insurans tempatan
- D. Perbelanjaan rakyat Malaysia yang melancong ke negara luar

34. Antara berikut, apakah kesan pengkhususan yang dilakukan dalam pengeluaran?
- I. Menurunkan kos purata pengeluaran
  - II. Meningkatkan output dan mutu keluaran
  - III. Meningkatkan kos pengeluaran barang
  - IV. Menurunkan kepakaran sumber manusia
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV
35. Penghantaran sebahagian daripada pendapatan pekerja asing ke negara asal akan dicatatkan ke dalam .....
- A. akaun semasa
  - B. akaun pendapatan
  - C. akaun pindahan semasa
  - D. akaun perkhidmatan
36. Sekatan perdagangan antarabangsa yang manakah menghadkan kuantiti barang yang diimport ke dalam negara?
- A. Tarif
  - B. Kuota
  - C. Subsidi
  - D. Kawalan pertukaran asing
37. Apabila kadar pertukaran asing meningkat, maka
- A. harga eksport menjadi lebih murah
  - B. Jumlah import akan berkurangan
  - C. harga import menjadi lebih mahal
  - D. Jumlah eksport akan jatuh

38. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Smith Sdn Bhd

Syarikat Smith Sdn Bhd dari UK ingin mengimport kereta bernilai RM 150 000 dan motosikal bernilai RM60 000 dari negara Malaysia.

Andaikan bahawa kadar pertukaran Ringgit Malaysia dengan Pound Sterling  $\text{£}1.00 = \text{RM } 6.50$ . Hitungkan jumlah pound Sterling yang perlu dibayar untuk mengimport kereta?

- A.  $\text{£}23076$
- B.  $\text{£}32307$
- C.  $\text{£}9230$
- D.  $\text{£}975000$

Pilihan jawapan bagi Soalan 39 hingga Soalan 40 berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

39. I Dalam jangka panjang terdapat input tetap dan input berubah.  
II Input tetap terdiri daripada tanah, buruh, modal dan usahawan.

40. I Semasa inflasi, bank pusat akan memendekkan tempoh pinjaman.  
II Semasa kemelesetan ekonomi, bank pusat akan menaikkan kadar rizab berkanun.

### KERTAS SOALAN TAMAT